

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**

**TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah peniaga (mengikut tahun) yang telah disiasat dan dijatuhkan hukuman di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sejak dikuatkuasakan mengikut pecahan kaum.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian ini tiada pecahan kesalahan yang dilakukan mengikut kaum. Walaubagaimanapun, Kementerian sentiasa mengambil langkah berterusan bagi memastikan peniaga-peniaga mematuhi arahan dan tidak berlaku aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sejak dikuatkuasakan.

Sejak Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 di kuatkuasakan, sebanyak **10,437 tindakan undang-undang** telah diambil ke atas peniaga yang melibatkan **rampasan bernilai RM3,271,159.00 kompaun sebanyak RM1,213,672.00 dan denda RM10,800.00.**

Kementerian juga turut melaksanakan **pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh** ke atas semua barangan melalui **OPS RAYA 2011, OPS GAJI 2012, OPS HARGA 2013, OPS HARGA 2014 dan terkini OPS CATUT 2015** adalah difokuskan kepada pemeriksaan fizikal secara aktif terhadap semua peringkat sama ada pengeluar, pemborong, pasar raya besar, pasar raya, pasar raya kecil, kedai runcit, pasar malam, pasar awam dan kedai-kedai menjual makanan bagi memastikan harga barang-barang yang terbabit kekal stabil.